

**GARIS PANDUAN PENUBUHAN,
PENGOPERASIAN DAN PEMANTAUAN
OPERASI STESEN KUARANTIN
COVID-19 SWASTA (QS SWASTA)**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1. TUJUAN	3
2. LATARBELAKANG	3
3. TAFSIRAN	4
4. PUNCA KUASA	5
5. KRITERIA QS SWASTA	5
6. PENGANGKUTAN DARI PMA KE QS SWASTA	7
7. PENGINAPAN DAN MAKANAN	9
7.1 Penginapan	9
7.2 Makanan	9
8. PENGURUSAN PENJAGAAN KESIHATAN	10
9. ZIARAH KEMATIAN DAN LAWATAN PESAKIT TENAT	17
10. PERKHIDMATAN SOKONGAN	17
10.1 Pengurusan Sisa Klinikal	17
10.2 Pengurusan Sisa Umum	18
10.3 Perkhidmatan Pembersihan	18
10.4 Perkhidmatan Linen dan Pendobian	18
11. TANGGUNGJAWAB PUS DI QS SWASTA	18
12. PENGURUSAN ADUAN	19
13. PROSES DAFTAR KELUAR PUS DAN PERGERAKAN PULANG PUS	19
14. PEMANTAUAN	20
15. PEMAKAIAN	20
16. PERTANYAAN LANJUT	21
17. TARIKH KUAT KUASA	21
18. LAMPIRAN 1	22
19. LAMPIRAN 2	23
20. LAMPIRAN 3	26
21. LAMPIRAN 4	35
22. LAMPIRAN 5	36
23. LAMPIRAN 6	37

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini adalah sebagai rujukan kepada mana-mana pegawai pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) / Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang akan menyelaras dan memantau pengoperasian Stesen Kuarantin Swasta (QS Swasta), seperti yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 Bil. 61 Siri 123 Tahun 2021.
- 1.2 Garis panduan ini juga boleh dijadikan rujukan oleh pihak QS Hotel untuk menyediakan perkhidmatan QS Swasta supaya mematuhi piawaian dan keperluan yang ditetapkan oleh NADMA dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memastikan keselamatan dan kualiti perkhidmatan kepada *Person Under Surveillance* (PUS) atau kes positif COVID-19.
- 1.3 Garis panduan ini juga adalah bahan rujukan kepada pegawai / orang yang diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 [Akta 342] untuk melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan operasi QS Swasta.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah menetapkan suatu dasar baru yang mewajibkan semua individu yang memasuki Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia perlu menjalani kuarantin wajib bermula 3 April 2020 di Stesen Kuarantin (*Quarantine Station* - QS) hotel dan Institut Latihan Awam (ILA) yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Individu yang menjalani tempoh kuarantin akan dikenali sebagai *Person Under Surveillance* (PUS) seperti mana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 [Akta 342];
- 2.2 Fasa operasi QS bagi PUS dari PMA adalah seperti berikut:
 - Fasa 1: 3 April 2020 – 9 Jun 2020 (Kuarantin di QS)
 - Fasa 2: 10 Jun 2020 – 23 Julai 2020 (Kuarantin di rumah)
 - Fasa 3: 24 Julai 2020 – 20 September 2021 (Kuarantin di QS)
 - Fasa 4: 21 September 2021 – Semasa (Kuarantin di rumah & QS)
- 2.3 Tempoh kuarantin bagi individu yang memasuki PMA ini dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan berdasarkan analisis risiko yang dijalankan oleh pihak KKM;
- 2.4 Penyelesaian jangka masa panjang perlu dirangka bagi operasi QS dengan mengambil kira situasi semasa COVID-19 di dalam negara dan keperluan untuk meneruskan dasar agar PUS dari PMA menjalani kuarantin walaupun situasi semasa COVID-19 di dalam negara beransur reda;

- 2.5 Penyelesaian jangka masa panjang amat diperlukan agar penglibatan agensi kerajaan di QS dapat dikurangkan dan penumpuan terhadap operasi yang lebih kritikal dapat dilaksanakan dengan baik; dan
- 2.6 Pelaksanaan QS Swasta adalah berasaskan perniagaan (*business to business*) tanpa melibatkan kos dan tadbir urus secara langsung oleh pihak Kerajaan. Pihak Kerajaan hanya akan bertindak sebagai pemantau bagi memastikan pelaksanaan operasi QS Swasta mengikuti garis panduan yang ditetapkan.

3. TAFSIRAN

- 3.1 'Stesen Kuarantin' ertinya mana-mana tempat di mana pengasingan atau pemerhatian dijalankan dan termasuklah sesuatu hospital dan mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri dalam Warta sebagai stesen kuarantin;
- 3.2 'QS Swasta' ertinya fasiliti yang telah mendapat kelulusan daripada JPBN untuk menjalankan operasi kuarantin bagi individu yang memasuki negara dari PMA dan PUS yang perlu menjalani kuarantin sendiri, yang memilih untuk berada di fasiliti swasta;
- 3.3 'QS ILA' ertinya Institusi Latihan Awam yang telah diwartakan dan mendapat kelulusan daripada JPBN untuk menjalankan operasi kuarantin bagi individu yang memasuki negara dari PMA dan PUS yang perlu menjalani kuarantin sendiri;
- 3.4 'Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri' (JPBN) ertinya Jawatankuasa yang mengawal selia semua aktiviti pengurusan bencana dan pengurusan COVID-19 di peringkat negeri. Pengerusi JPBN adalah Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan;
- 3.5 'Pintu Masuk Antarabangsa' (PMA) ertinya mana-mana pintu masuk antarabangsa negara yang dikawal selia oleh agensi kerajaan;
- 3.6 '*Person Under Surveillance* (PUS)' ertinya seperti mana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 [Akta 342];
- 3.7 'Hospital swasta atau klinik perubatan swasta' ertinya hospital swasta yang berlesen atau klinik perubatan swasta yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586);

- 3.8 'Vaksinasi Lengkap' ertinya individu yang telah lengkap menerima suntikan vaksin dan melewati tempoh matang vaksinasi tersebut mengikut jenisnya; dan
- 3.9 'Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020' bermaksud garis panduan yang telah disediakan oleh KKM khusus untuk pengurusan kes COVID-19 di negara ini dan boleh diperolehi di <http://COVID-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm>;
- 3.10 Pasukan kesihatan swasta adalah pasukan kesihatan daripada klinik atau hospital swasta yang memberikan perkhidmatan kesihatan di QS swasta. Pasukan kesihatan swasta ini terdiri dari pengamal perubatan dan paramedik swasta. Pasukan kesihatan swasta perlu dilantik oleh pihak pengurusan QS Swasta dan pelaksanaannya hendaklah mematuhi garis panduan, surat pekeliling dan perundangan yang ditetapkan oleh KKM dan Kerajaan.

4. PUNCA KUASA

- 4.1 Garis panduan ini disediakan selaras dengan peruntukan undang-undang dan keputusan serta surat pekeliling, seperti berikut:
- i. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 [Akta 342];
 - ii. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586);
 - iii. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang Yang Dipindahkan Ke Stesen Kuarantin (No.2)(2020);
 - iv. Keputusan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 68 Tahun 2020;
 - v. Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
 - vi. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 Bil. 61 Siri 123 Tahun 2021.

5. KRITERIA QS SWASTA

- 5.1 QS Swasta hendaklah terdiri daripada pengurusan fasiliti penginapan dan bekerjasama dengan hospital atau klinik perubatan swasta berdaftar, yang

bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan bagi PUS. Pihak QS Swasta perlu mempunyai carta organisasi pengurusan fasiliti berkenaan seperti di Lampiran 1.

- 5.2 QS Swasta perlu mempunyai seorang Pengamal Perubatan berdaftar yang mengetuai perkhidmatan jagaan kesihatan di fasiliti berkenaan. Perkhidmatan jagaan kesihatan perlu sentiasa bersedia pada setiap masa menggunakan sistem *shift* (24 jam setiap sehari).
- 5.3 Senarai semak kriteria umum dan spesifikasi boleh dirujuk di Lampiran 2.
- 5.4 Fasiliti yang telah memperolehi kelulusan daripada JPBN untuk menjalankan operasi QS Swasta bagi PUS yang memasuki negara melalui PMA;
- 5.5 QS Swasta akan berfungsi sebagai stesen kuarantin bagi
 - i. PUS pengembara dari luar negara.
 - ii. PUS yang memerlukan kuarantin sendiri.
 - iii. PUS kontak rapat jika rumah atau kediamannya tidak sesuai untuk dikuarantin.
 - iv. Penjawat awam yang pulang dari menjalankan tugas rasmi dari luar negara.
 - v. PUS yang dikenalpasti sebagai berisiko tinggi;
- 5.6 QS Swasta perlu beroperasi sepenuhnya sebagai Stesen Kuarantin dengan tidak menerima tetamu secara *walk-in* dan tidak menjalankan majlis sosial yang melibatkan aktiviti berkumpul dan sesak. Walau bagaimanapun kelulusan bersyarat dwifungsi mengikut kesesuaian boleh diberikan oleh JPBN bagi membolehkan QS Swasta pada masa yang sama menjalankan operasi perniagaan perhotelan biasa dan QS Swasta (Lampiran 7);
- 5.7 QS swasta perlulah mempunyai kakitangan yang mempunyai rekod vaksinasi yang lengkap dan mengikuti syarat-syarat industri yang akan diumumkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa;
- 5.8 Proses kemasukan PUS ke QS Swasta adalah di bawah tanggungjawab QS swasta itu sendiri termasuk urusan pendaftaran masuk, pengangkutan dari PMA;
- 5.9 Pemasaran, penawaran dan kutipan bayaran pakej kuarantin perlulah dilaksanakan sendiri oleh pihak QS Swasta dengan menggunakan kaedah yang dirasakan sesuai;
- 5.10 PUS dibenarkan untuk memilih pakej kuarantin di QS Swasta yang beroperasi mengikut pilihan dan kemampuan PUS;
- 5.11 Pengurusan QS Swasta hendaklah memudah cara perpindahan PUS ke QS Swasta yang lain sekiranya terdapat permintaan dari PUS, walau bagaimanapun perlu

sentiasa mengambil langkah pencegahan penularan COVID-19 semasa pemindahan ini; dan

5.12 Komponen perkhidmatan QS Swasta adalah seperti berikut:

- i. Tempahan pakej kuarantin
- ii. Pengangkutan dari PMA ke hotel
- iii. Penginapan dan makanan
- iv. Pengurusan Penjagaan Kesihatan
- v. Kawalan keselamatan
- vi. Ziarah kematian dan lawatan pesakit tenat
- vii. Perkhidmatan Sokongan
 - a. Sisa klinikal
 - b. Sisa Umum
 - c. Pembersihan
 - d. Perkhidmatan linen dan pendobian

6. PENGURUSAN DARI PMA KE QS SWASTA

6.1. Pendaftaran Aplikasi My Sejahtera

Individu warganegara atau bukan warganegara (PUS) yang memasuki pintu masuk antarabangsa (PMA) adalah diwajibkan untuk mendaftar aplikasi My Sejahtera sebelum dibenarkan ke kaunter ujian saringan.

6.2. Menjalani Ujian Pengesanan COVID-19

Individu warga warganegara atau bukan warganegara yang memasuki PMA adalah diwajibkan untuk menjalani Ujian Pengesanan COVID-19 semasa ketibaan dan ujian ulangan pada hari ke 5 (D5) jika vaksin lengkap dan ujian ulangan pada hari ke 8 (D8) jika tiada vaksinasi atau vaksinasi tidak lengkap.

(Tertakluk kepada dasar kerajaan yang berkuatkuasa)

6.3. Semakan Slip Tempahan QS Swasta dan Pengecualian Caj Kuarantin

Setelah menjalani Ujian Pengesanan COVID-19, individu warganegara atau bukan warganegara akan ke kaunter semakan slip tempahan QS swasta / kelulusan pengecualian caj kuarantin.

(PUS bukan warganegara yang gagal menunjukkan slip tempahan ke stesen kuarantin akan dikenakan perintah *Not To Land* (NTL) oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM))

6.4. Pembayaran Caj Ujian Pengesanan COVID-19

Individu diwajibkan untuk membuat pembayaran caj ujian Pengesanan COVID-19 di kaunter pembayaran yang telah ditetapkan. PUS boleh memilih untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19 di fasiliti swasta atau di fasiliti kerajaan jika terdapat kedua-dua jenis fasiliti tersebut di PMA

PUS warganegara Malaysia dikecualikan dari bayaran caj ujian Pengesanan COVID-19.

(Tertakluk kepada dasar kerajaan yang berkuatkuasa)

6.5. Kaunter Imigresen

Pegawai di kaunter imigresen akan menyemak slip tempahan QS Swasta dan resit pembayaran ujian Pengesanan Covid19 sebelum dibenarkan memasuki negara.

6.6. Kaunter Pendaftaran QR Code MySejahtera (NADMA) Dan Semakan Kumpulan Yang Dikecualikan Daripada Caj Kuarantin

Individu warga warganegara atau bukan warganegara perlu mengimbas QR MySejahtera (NADMA). Bagi warganegara yang dikecualikan dari caj kuarantin akan diasingkan bagi memudahkan urusan penghantaran mereka ke QS Swasta yang ditetapkan.

6.7. Ruang Menunggu Pengangkutan

PUS akan menunggu di ruang menunggu yang telah ditetapkan. Mereka akan dimaklumkan oleh petugas apabila kenderaan telah tiba di pintu ketibaan.

6.8. Kaunter Pendaftaran Pemandu

Pemandu dari QS Swasta perlu mendaftar di kaunter pemandu di PMA.

6.9. Skim *Death And Critical Illness Emergency Visits (DCEV)*

PUS bagi Skim *Death And Critical Illness Emergency Visits (DCEV)* perlu membuat tempahan awal di QS Swasta. Pihak QS Swasta perlu menguruskan pengangkutan lawatan/ziarah bagi tujuan DCEV mengikut SOP yang ditetapkan oleh KKM.

7. PENGINAPAN DAN MAKANAN

7.1 Penginapan

7.1.1 QS Swasta hendaklah menyediakan bilik penginapan seperti mana yang ditempah oleh PUS;

7.1.2 QS Swasta hendaklah menyediakan bilik penginapan mengikut tempoh kuarantin yang perlu dijalani oleh PUS;

7.1.3 Caj perkhidmatan penginapan QS Swasta adalah berdasarkan jumlah malam PUS menginap di QS Swasta;

7.1.4 Penempatan PUS dalam satu bilik penginapan bersama lebih dari seorang hanya dibenarkan berdasarkan kriteria berikut:

- i. Suami isteri
- ii. Ahli keluarga terdekat
- iii. Penjagaan kanak-kanak / bayi kecil berstatus PUS; atau
- iv. Penjagaan ahli keluarga Orang Kurang Upaya (OKU) berstatus PUS;
- v. PUS dengan masalah kesihatan yang memerlukan bantuan/ pemantauan pihak lain;
- vi. Jemaah Umrah dalam kumpulan yang sama berkongsi bilik jika perlu; atau
- vii. Lain-lain sebab yang munasabah.

7.1.5 QS Swasta hendaklah memastikan PUS agar sentiasa berada di dalam bilik masing- masing melalui kaedah siar raya bersesuaian; dan

7.1.6 PUS hendaklah dimaklumkan kaedah perhubungan dengan petugas QS Swasta menerusi telefon/ sms/ whatsapp/ telegram atau apa-apa kaedah komunikasi yang bersesuaian.

7.2 Makanan

7.2.1 QS Swasta hendaklah menyediakan makan minum untuk setiap PUS secara berbungkus (*packed meal*) dengan menggunakan peralatan makanan pakai buang (*disposable utensils/ food packaging*) dan dihantar ke setiap bilik mengikut kaedah yang ditetapkan;

7.2.2 QS Swasta hendaklah menyediakan menu diet khas bagi mana-mana PUS yang mempunyai diet pemakanan khusus yang munasabah seperti alahan kepada makanan laut/kekacang, berpenyakit kencing manis, kanak-kanak atau bayi serta PUS yang berkeperluan khas;

- 7.2.3 Makan minum dihantar ke setiap bilik penginapan kuarantin PUS dan diletakkan di hadapan pintu bilik PUS;
- 7.2.4 Pemesanan apa-apa makanan melalui khidmat *room dining service* di Premis Hotel adalah dibenarkan. Tempahan makanan tersebut akan dihantar oleh pekerja Hotel di hadapan pintu Bilik Penginapan PUS berkenaan mengikut waktu penghantaran makanan yang telah ditetapkan;
- 7.2.5 QS Swasta hendaklah menyediakan meja/kaunter penerimaan makanan dari *food delivery services* dan menguruskan penghantaran makanan tersebut kepada PUS mengikut waktu penghantaran makanan yang telah ditetapkan (makanan halal sahaja) dan;
- 7.2.6 QS Swasta hendaklah menyediakan meja/kaunter penerimaan barangan pesanan dari ahli keluarga PUS dan menguruskan penghantaran barangan tersebut kepada PUS mengikut waktu penghantaran makanan yang telah ditetapkan (makanan halal sahaja).

8. PENGURUSAN PENJAGAAN KESIHATAN

Berdasarkan subseksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], mana-mana pegawai diberi kuasa boleh memerintahkan kontak iaitu mana-mana orang yang telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko dijangkiti Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19, termasuk mana-mana orang yang baru tiba dari sesuatu kawasan jangkitan (berdasarkan tafsiran di bawah seksyen 2 Akta 342), supaya menjalani pengawasan dan pemerhatian di mana-mana tempat yang difikirkannya patut sehingga mereka boleh dilepaskan dari pengawasan dan pemerhatian tanpa membahayakan orang ramai.

Bagi tujuan pematuhan tersebut, kontak ini akan diberikan perintah pengawasan dan pemerhatian (*home surveillance order* – HSO). Terdapat beberapa kategori kontak yang akan diberikan surat perintah pengawasan dan pemerhatian (HSO). Kontak-kontak tersebut yang juga dikenali sebagai *Person Under Surveillance* (PUS) adalah:

- a) mana-mana warganegara, pemastautin tetap Malaysia, ekspatriat atau kor diplomatik atau mana-mana orang asing lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen memasuki Malaysia dari luar negara;
- b) kontak rapat kepada kes positif;
- c) individu yang tinggal dalam kawasan yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) atau perintah kawalan pergerakan lain seperti diarahkan DAN diambil sampel; atau

- d) individu yang diberi perintah pengawasan dan pemerhatian oleh pegawai diberikuasa, contohnya individu yang pulang dari kawasan berisiko tinggi berlaku penularan jangkitan seperti yang diumumkan oleh Kerajaan.

8.1 Pengembara Dari Luar Negara

8.1.1 Sebelum Keberangkatan

- (i) Semua pengembara hendaklah memuat turun, mengaktifkan dan mendaftar aplikasi *MySejahtera* (<https://mysejahtera.malaysia.gov.my/>). Aplikasi mudah alih boleh dimuat turun di *Apple App Store*, gedung permainan *Google*, dan Aplikasi Huawei galeri. Mengisi borang pre-departure dan deklarasi status kesihatan;
- (ii) Pengembara perlu menjalani saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 menggunakan ujian RT-PCR COVID-19 selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum berlepas dan hanya pengembara yang mempunyai keputusan ujian negatif COVID-19 boleh meneruskan penerbangan ke Malaysia;
- (iii) Senarai **Warganegara Malaysia** yang layak diberi pengecualian kos kuarantin di bawah perenggan 3, Peraturan-Peraturan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang yang Dipindahkan Ke Stesen Kuarantin) (No.2) 2020 adalah seperti berikut:
 - (a) Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*];
 - (b) Warganegara Malaysia daripada golongan B40;
 - (c) Warganegara Malaysia yang merupakan ibu, bapa, suami, isteri atau anak yang berumur 18 tahun ke bawah, kepada warganegara Malaysia daripada golongan B40 yang pulang dari luar negeri bersama-sama dengan warganegara Malaysia daripada golongan B40 itu;
 - (d) Pelajar yang merupakan warganegara Malaysia daripada golongan B40;
 - (e) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur enam tahun dan ke bawah;
 - (f) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur dua belas tahun dan ke bawah yang pulang dari luar negeri seorang diri; dan

- (g) Warganegara Malaysia yang pulang ke Malaysia sebaik sahaja dibebaskan dari penjara di luar negara yang tidak mampu membayar kos dan perbelanjaan di stesen kuarantin atau tiada pendapatan.
- (h) **Bagi kontak rapat kepada kes positif COVID-19 atau PUS dengan keadaan rumah atau tempat kediaman yang tidak sesuai untuk menjalani prosedur kuarantin atau yang dikenalpasti sebagai kes berisiko tinggi oleh Pejabat Kesihatan Daerah, mereka perlu dikuarantin di stesen kuarantin bagi mencegah jangkitan. Pengecualian kos kuarantin perlu diberi pertimbangan, justeru, pengecualian kos kuarantin bagi kategori ini perlu dimasukkan dalam pindaan Peraturan-Peraturan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang yang Dipindahkan Ke Stesen Kuarantin) (No.2) 2020. (*cadangan pindaan ini akan dikuatkuasakan selepas pindaan peraturan di atas diwartakan).*

Borang pengesahan pengecualian kos kuarantin bagi warganegara Malaysia boleh dimuat turun dari pautan: [Garis Panduan Pengecualian Caj Kuarantin Bagi Person Under Surveillance \(PUS\) Di Stesen Kuarantin | COVID-19 MALAYSIA \(moh.gov.my\)](https://www.moh.gov.my/moh/info/panduan-pengucualian-caj-kuarantin-bagi-person-under-surveillance-pus-di-stesen-kuarantin-covid-19-malaysia)

Borang yang telah lengkap diisi boleh dikemukakan kepada alamat emel pengecualicovid@moh.gov.my.

8.1.2 Ketibaan Di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)

Pengembara mengimbas kod QR “Pengembara dari Luar Negara” menggunakan aplikasi MySejahtera.

Pengembara perlu untuk menjalani pengimbasan suhu badan.

Saringan gejala bagi menilai kesihatan pengembara.

Semua pengembara menjalani ujian pengesanan RT-PCR COVID-19 semasa ketibaan di PMA.

Pengembara diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order – HSO*) secara **digital**. Pengembara ini akan dinamakan sebagai *Person Under Surveillance (PUS)*;

8.2 Kontak Rapat

Kontak rapat perlu mengimbas suhu badan secara termal semasa ketibaan di stesen kuarantin swasta.

Kontak rapat hendaklah mendaftar sebagai kontak rapat dalam aplikasi MySejahtera.

Saringan gejala bagi menilai kesihatan semua kontak rapat dijalankan.

Kontak rapat diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order – HSO*) secara digital. Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO) adalah tertakluk kepada arahan semasa KKM. Kontak rapat ini akan dinamakan sebagai *Person Under Surveillance (PUS)*.

8.3 Tempoh Kuarantin

Tempoh kuarantin wajib bagi pengembara dari luar negara adalah lima (5) hari bagi yang telah menerima vaksin COVID-19 dos penggalak, tujuh (7) hari bagi pengembara yang telah lengkap vaksin COVID-19 dan 10 hari bagi yang tiada atau tidak lengkap vaksin COVID-19. Sekiranya terdapat keperluan berdasarkan hasil penilaian risiko terhadap PUS tersebut untuk menjalani lebih dari 7 atau 10 hari, kuarantin tambahan ini akan dilaksanakan di stesen kuarantin yang sama. Tempoh masa kuarantin adalah tertakluk kepada arahan semasa KKM.

Tempoh masa bagi kontak rapat adalah lima (5) yang telah menerima vaksin COVID-19 dos penggalak dan tujuh (7) hari bagi yang telah lengkap / belum lengkap / tiada menerima vaksin COVID-19.

8.5 Saringan dan Penilaian Kesihatan

8.5.1 Deklarasi status kesihatan PUS

Pasukan kesihatan swasta hendaklah mendapatkan maklumat status kesihatan pesakit termasuk sejarah penyakit, sejarah pembedahan jika ada, status kehamilan, senarai ubat-ubatan, status kesihatan mental dan status merokok serta pengambilan minuman keras. Ini adalah amat penting perhatian dan tindakan pasukan kesihatan sepanjang tempoh kuarantin.

8.5.2 Saringan dan penilaian kesihatan COVID-19

PUS perlu melaksanakan penilaian sendiri setiap hari melalui *Home Assessment Tool* (HAT) dalam aplikasi MySejahtera dan aktiviti ini perlu diteruskan sehingga tamat tempoh masa kuarantin.

PUS yang mengalami gejala hendaklah memaklumkan kepada petugas kesihatan di stesen kuarantin swasta tersebut.

Pasukan kesihatan perlu menjalankan saringan kesihatan melalui panggilan telefon setiap hari kepada PUS.

PUS yang bergejala hendaklah menjalani ujian saringan pengesanan penyakit COVID-19 RT-PCR.

Pasukan Kesihatan perlu melaksanakan saringan kesihatan di bilik PUS bergejala untuk menilai keterukan gejala dan mengambil sampel untuk ujian saringan pengesanan penyakit COVID-19 RT-PCR.

Pengurusan rujukan kes positif COVID-19 di kalangan PUS perlu diuruskan oleh Pasukan Kesihatan Swasta di QS

8.6 Ujian Saringan Pengesanan Penyakit COVID-19

Pasukan kesihatan swasta menjalankan ujian pengesanan jangkitan seperti berikut :

PUS	Status Vaksin COVID-19	Ujian COVID-19
Pengembara	Telah menerima dos penggalak	Menjalani ujian RT-PCR pada hari ke-4 atau ujian RTK Ag diselia oleh petugas kesihatan pada hari ke-5
	Telah menerima lengkap vaksin	Menjalani ujian RT-PCR pada hari ke-5 atau ujian RTK Ag diselia oleh petugas kesihatan pada hari ke-7
	Belum / tiada menerima vaksin	Menjalani ujian RT-PCR pada hari ke-8 atau ujian RTK Ag diselia oleh petugas kesihatan pada hari ke-10
Kontak rapat	Telah menerima dos penggalak	Menjalani ujian RT-PCR pada hari ke-4 atau ujian RTK Ag diselia oleh petugas kesihatan pada hari ke-5
	Telah menerima lengkap vaksin / Belum / tiada menerima vaksin	Menjalani ujian RT-PCR pada hari ke-5 atau ujian RTK Ag diselia oleh petugas kesihatan pada hari ke-7

Pasukan kesihatan swasta perlu mengambil sampel swab *nasopharyngeal* dan *oropharyngeal* atau penyeliaan ujian RTK Ag di luar bilik penginapan setiap PUS di QS Swasta.

Selaras dengan Surat Ketua Pengarah Kesihatan bertakrih 17 Oktober 2021(Ruj:KKM.600-29/4/146 Jld. 54 (67), ulangan saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 PUS warganegara akan diselaraskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri/Daerah (tertakluk kepada arahan semasa KKM). Pihak hotel hendaklah menyelaras pengurusan kenderaan bagi PUS warganegara daripada hotel ke klinik kesihatan atau pejabat kesihatan daerah yang berhampiran untuk tujuan pengambilan sampel.

Bagi PUS yang mempunyai keputusan positif COVID-19, PUS bukan warganegara hendaklah dirujuk ke Pusat Rawatan COVID-19 Risiko Rendah Swasta (PKRCS) atau hospital swasta yang dipersetujui oleh PUS. Bagi PUS warganegara, mereka hendaklah dirujuk ke Pusat Rawatan COVID-19 Risiko Rendah (PKRC) atau hospital di bawah KKM.

8.7 Pelepasan Perintah Pengawasan & Pemerhatian

PUS diberikan pelepasan perintah pengawasan & pemerhatian (*release order* - RO) secara digital dalam aplikasi MySejahtera setelah tamat tempoh masa kuarantin dan negatif keputusan ujian COVID-19

PUS	Status Vaksin COVID-19	Pelepasan Perintah Pengawasan & Pemerhatian secara Digital
Pengembara	Telah menerima dos penggalak	Pada hari ke-5 jika negatif ujian RT-PCR hari ke-4 atau ujian RTK Ag diselia oleh petugas kesihatan pada hari ke-5
	Telah menerima lengkap vaksin	Pada hari ke-7 jika negatif ujian RT-PCR hari ke-5 atau ujian RTK Ag diselia oleh petugas kesihatan pada hari ke-7
	Belum / tiada menerima vaksin	Pada hari ke-10 jika negatif ujian RT-PCR hari ke-8 atau ujian RTK Ag diselia oleh petugas kesihatan pada hari ke-10
Kontak rapat	Telah menerima dos penggalak	Pada hari ke-5 jika negatif ujian RT-PCR hari ke-4 atau ujian RTK Ag diselia oleh petugas kesihatan pada hari ke-5
	Telah menerima lengkap vaksin / Belum / tiada menerima vaksin	Pada hari ke-7 jika negatif ujian RT-PCR hari ke-5 atau ujian RTK Ag diselia oleh petugas kesihatan pada hari ke-7

8.8 Pemakaian *Personal Protective Equipment* (PPE)

Petugas kesihatan dan petugas lain sektor yang membuat pemantauan PUS atau pengurusan lain-lain hendaklah memakai *personal protective equipment* (PPE) mengikut tahap risiko kawasan (Rujuk Lampiran 3.1).

8.9 Kawalan dan Pencegahan Infeksi

Pasukan Kawalan dan Pencegahan Infeksi bertanggung jawab dalam kawalan infeksi di stesen kuarantin.

Petugas kesihatan dan petugas lain perlu mematuhi prosedur *donning* dan *degowning* PPE.

Pasukan Kawalan dan Pencegahan Infeksi perlu mengawal selia pemakaian PPE semasa *donning* dan *degowning*.

8.10 Pasukan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial dan Perkhidmatan Berhenti Merokok

Setiap stesen kuarantin swasta juga digalakkan mempunyai pasukan **Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial** yang bertanggungjawab dalam saringan kesihatan mental PUS dan semua petugas di stesen kuarantin. Pasukan kesihatan juga digalakkan untuk menawarkan perkhidmatan berhenti merokok kepada PUS yang memerlukan.

8.12 Pelaporan

Petugas Kesihatan yang bertugas di QS Swasta, wajib menghantar laporan harian secara *softcopy* melalui e-mel kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berhampiran. PKD seterusnya menghantar laporan ke Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), dimana setelah dikompilasi JKN melaporkan kepada KKM (Rujuk Lampiran 3.2 – 3.4). Semua kes positif dihantar laporan harian kepada PKD (Rujuk Lampiran 3.5).

8.14 Pemantauan

Pemantauan pengurusan perkhidmatan kesihatan oleh pasukan kesihatan swasta dibuat secara berkala oleh Pejabat Kesihatan Daerah (Rujuk Lampiran 3.6).

9. ZIARAH KEMATIAN DAN LAWATAN PESAKIT TENAT

- 9.1 QS Swasta perlu menyediakan perkhidmatan ziarah kematian dan lawatan pesakit tenat kepada PUS yang menjalani tempoh kuarantin di QS Swasta;
- 9.2 QS Swasta perlu membantu PUS untuk mendapatkan kelulusan ziarah kematian dan lawatan pesakit tenat dari CPRC Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah di mana QS Swasta beroperasi;
- 9.3 QS Swasta perlu menyediakan perkhidmatan ziarah kematian dan lawatan pesakit tenat bagi PUS yang menggunakan Skim DCEV;
- 9.4 Perkhidmatan ziarah kematian dan lawatan pesakit tenat perlu mematuhi garis panduan *Personal Protective Equipment* (PPE) yang dikeluarkan oleh KKM; dan
- 9.5 Laporan bagi setiap ziarah atau lawatan perlulah di rekod untuk semakan pegawai / orang yang diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

10. PERKHIDMATAN SOKONGAN

Merupakan perkhidmatan pengawalan infeksi di QS Swasta yang dilaksanakan di zon PUS/merah iaitu:

10.1 Pengurusan Sisa Klinikal

- 10.1.1 Perkhidmatan yang merangkumi aktiviti mengangkut, membawa keluar dari fasiliti dan merawat sisa klinikal yang dijana di zon PUS/merah ke loji rawatan sisa klinikal;
- 10.1.2 Perkhidmatan ini **MESTILAH** dilaksanakan oleh syarikat yang mempunyai lesen yang sah dengan Jabatan Alam Sekitar;
- 10.1.3 Pihak QS perlu mengenal pasti laluan untuk sisa klinikal ini iaitu dari bilik PUS ke kawasan pengumpulan sisa klinikal dan laluan masuk/keluar lori sisa klinikal; dan
- 10.1.4 Masa untuk mengangkut keluar sisa klinikal **MESTILAH** dipastikan tidak sama dengan masa mengangkut keluar sisa umum.

10.2 Pengurusan Sisa Umum

10.2.1 Pengurusan sisa umum di QS Swasta perlulah mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Sisa Umum Di Stesen Kuarantin Semasa Pandemik COVID-19 yang dikeluarkan oleh KKM.

10.3 Perkhidmatan Pembersihan

10.3.1 Aktiviti bagi kawasan yang dikategorikan sebagai zon merah (penempatan PUS);

10.3.2 Dua(2) aktiviti pembersihan di QS iaitu *General Cleaning* (harian) dan *Terminal Cleaning* (menyeluruh apabila PUS keluar dari zon merah); dan

10.3.3 Pihak QS Swasta boleh melaksanakan kedua2 aktiviti ini dengan mengambil kira aspek peralatan, bahan kimia, prosedur yang telah ditetapkan oleh KKM.

10.4 Perkhidmatan Linen dan Pendobian

10.4.1 Pembekalan Linen seperti yang telah disediakan oleh pihak QS Swasta seperti *bed linen* (cadar, sarung bantal, selimut), *bath linen* (*bath towel, face towel, hand towel*) **MESTILAH** dilaksanakan proses pencucian oleh loji pendobian yang sah dan mempunyai pengalaman menguruskan infeksi linen.

10.4.2 Pihak QS Swasta perlu merancang kekerapan penukaran linen (kutipan linen kotor dan pembekalan linen bersih) di bilik PUS.

10.4.3 Pihak QS Swasta perlu merancang jadual kutipan linen kotor diangkut keluar dari kawasan QS oleh pihak loji pendobian yang dilantik dan menetapkan masa penghantaran linen bersih.

Semua aktiviti ini boleh dilaksanakan oleh kakitangan QS Swasta, namun begitu mereka perlu dilatih terlebih dahulu khususnya dari segi penggunaan PPE dan langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi. Khidmat nasihat teknikal bagi semua perkhidmatan ini boleh diperolehi dari **Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia**. QS Swasta juga boleh merujuk Prosedur Operasi Standard, Pencegahan dan Pengawasan Pandemik Covid19 di Stesen Kuarantin, Jilid 1.

11. TANGGUNGJAWAB PUS DI QS SWASTA

11.1 PUS boleh mengemukakan sebarang aduan kepada pihak pengurusan QS Swasta selepas mendaftar masuk ke bilik penginapan kuarantin;

- 11.2 PUS hendaklah menguruskan sendiri bagasi dan segala barang persendirian yang dibawa bersamanya untuk ke bilik penginapan.
- 11.3 PUS hendaklah berada di bilik masing-masing pada setiap masa sepanjang tempoh kuarantin;
- 11.4 PUS hendaklah melakukan penilaian kesihatan sendiri pada setiap hari di bilik masing-masing (dan PUS perlu menggunakan *Home Assessment Tools* dalam aplikasi My Sejahtera), dan melaporkan kepada petugas QS Swasta sekiranya mula mengalami gejala simptom COVID-19;
- 11.5 PUS hendaklah berhubung dengan Petugas Premis QS Swasta menerusi telefon/ sms/ whatsapp/ telegram atau apa-apa kaedah komunikasi yang bersesuaian dan sentiasa menjaga jarak sosial;
- 11.6 Sebarang pelawat adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk melawat PUS di Premis QS Swasta;
- 11.7 Sekiranya terdapat keperluan mendesak, PUS boleh merancang penghantaran ke QS Swasta dengan mendapatkan kebenaran dari pengurusan QS Swasta terlebih dahulu.

12. PENGURUSAN ADUAN

- 12.1 Pihak pengurusan QS Swasta hendaklah menyediakan saluran aduan yang bersesuaian sama ada melalui telefon/ sms/ whatsapp/ telegram 24 jam bagi memastikan setiap aduan dapat di ambil tindakan;
- 12.2 Pihak pengurusan QS Swasta hendaklah menyediakan rekod aduan untuk tujuan rujukan dan semakan pegawai / orang yang diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 [Akta 342] untuk melaksanakan pemantauan operasi QS Swasta;
- 12.3 Pihak pengurusan QS Swasta hendaklah mengambil tindakan untuk menyiasat dan mengambil tindakan penambahbaikan bagi setiap aduan yang diterima;
- 12.4 Pihak pengurusan QS Swasta hendaklah mengambil tindakan bagi aduan yang dipanjangkan oleh JPBN dan NADMA sekiranya terdapat aduan yang disampaikan terus kepada pihak-pihak ini.

13. PROSES DAFTAR KELUAR PUS DAN PERGERAKAN PULANG PUS

- 13.1 Proses daftar keluar PUS dari Stesen Kuarantin adalah mengikut prosedur yang ditetapkan oleh KKM.
- 13.2 Pengurusan QS Swasta perlu memastikan semua pekerja hotel menjaga jarak sosial, memakai topeng muka, sarung tangan serta mematuhi apa-apa arahan penjagaan kesihatan dan langkah-langkah keselamatan yang diarahkan oleh KKM dari semasa ke semasa.
- 13.3 Pergerakan PUS meninggalkan QS Swasta untuk pulang ke rumah:
- i. Waris/wakil dibenarkan untuk mengambil PUS di QS Swasta untuk pulang ke rumah; atau
 - ii. PUS dibenarkan mengatur pengangkutan awam sendiri (taksi, e-hailing) untuk pulang ke rumah.

14. PEMANTAUAN

- 14.1 Pemantauan QS Swasta akan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai JPBN dan NADMA.
- 14.2 Pengurusan QS Swasta hendaklah mewujudkan perhubungan komunikasi dengan pihak Pejabat Kesihatan Daerah, Ibu Pejabat Polis Daerah dan Pejabat Pertahanan Awam Daerah bagi tujuan pemantauan dan pengurusan QS Swasta sekiranya berlaku kecemasan.
- 14.3 Pemantauan juga boleh dilaksanakan oleh pegawai / orang yang diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- 14.4 Sebagai langkah kawalan, JPBN boleh mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab dan Surat Amaran kepada pengusaha QS Swasta sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan oleh pengusaha QS Swasta.
- 14.5 QS Swasta bertanggungjawab untuk menghantar laporan harian yang diperlukan oleh agensi kerajaan mengikut keperluan agensi tersebut.

15. PEMAKAIAN

- 15.1 Pemakaian garis panduan ini sepanjang tempoh pandemik atau apa-apa tempoh masa yang akan dimaklumkan.


16. PERTANYAAN LANJUT

16.1 Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada JPBN.

17. TARIKH KUAT KUASA

17.1 Garis panduan ini berkuat kuasa serta merta mengikut tarikh arahan.

CARTA ORGANISASI QS SWASTA



Senarai Semak Kriteria QS Swasta

A	Kriteria umum
1	Sebaik-baiknya mempunyai pengasingan yang jelas di antara zon PUS dan zon pelanggan perniagaan.
2	Sekiranya premis dikhaskan sebagai stesen kuarantin tanpa mengambil pelanggan lain, maka pengasingan zon tidak diperlukan untuk petugas stesen kuarantin sahaja.
3	Melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi khususnya dalam mengendalikan PUS dengan optima
4	Mempunyai sistem pengudaraan dan keperluan sanitasi yang mencukupi.
5	Tidak membenarkan orang awam memasuki kawasan Zon PUS. JPBN hendaklah membantu untuk memastikan tiada orang awam di perkarangan QS Swasta semasa kemasukan / daftar masuk.

B	Spesifikasi khusus
1	Kawasan umum
	Kawasan khusus yang telah dikenalpasti untuk: <ol style="list-style-type: none"> i. pendaftaran PUS ii. pengambilan sampel (<i>sampling</i>) - sekiranya perlu iii. rawatan / kecemasan iv. <i>doffing</i> dan <i>donning</i> petugas v. stor Perubatan – PPE, <i>consumables</i> vi. farmasi (sekiranya perlu) vii. Bilik Sekretariat
2	Pintu masuk di stesen kuarantin
	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan gejala • QR code untuk aplikasi MySejahtera / Buku kedatangan • <i>Hand sanitizer</i> di pintu masuk • <i>Face mask</i>
3	<i>PUS placement</i>
	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai pengudaraan yang baik • Penempatan seorang PUS / setiap bilik. Walau bagaimanapun, perkongsian bilik dibenarkan mengikut senarai dalam perenggan 7.1.4. • Jika berkongsi bilik, jarak antara katil sekurang-kurangnya 1 meter
4	Pengurusan staf yang ditugaskan di fasiliti ini (Annex 21, Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020)
	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas hendaklah telah lengkap vaksin.

	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas yang berisiko tinggi (<i>diabetes, hypertension, etc</i>) atau <i>immunocompromised</i> tidak dibenarkan diambil bertugas.
	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas perlu dilatih menggunakan PPE dengan betul termasuk <i>donning/doffing</i>.
	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas perlu mematuhi segala arahan / SOP yang ditetapkan.
	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelia perlu memastikan rekod harian petugas disimpan dengan baik (melalui buku kedatangan) bagi memudahkan proses <i>contact tracing</i>.
	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas bergejala tidak dibenarkan bekerja. Segera maklumkan kepada penyelia sekiranya bergejala semasa bertugas.
5	Perkhidmatan perubatan
	<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan perubatan hendaklah disediakan oleh hospital swasta atau klinik perubatan swasta yang telah dibuat perjanjian dengan pihak Stesen Kuarantin Swasta tersebut.
	<ul style="list-style-type: none"> • Penyenggaraan rekod perubatan PUS adalah di bawah tanggungjawab hospital atau klinik swasta berkaitan.
	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas hospital atau klinik swasta bertanggungjawab mengambil sampel daripada PUS serta menjalankan pemeriksaan ke atas PUS bergejala.
6	Pengambilan dan pengurusan sampel (<i>Annex 5a & 5b, Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020</i>)
	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas perlu mematuhi <i>standard precaution</i> dan <i>transmission based precaution</i> pada setiap masa.
	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas perlu dilatih mengenai tatacara pengambilan dan pengurusan sampel yang betul termasuk proses dekontaminasi.
	<ul style="list-style-type: none"> • Borang dan label yang jelas perlu disiapkan sebelum mengambil spesimen.
	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas mengenakan PPE yang sesuai semasa mengambil sampel dari PUS.
	<ul style="list-style-type: none"> • Spesimen dimasukkan ke dalam <i>biohazard plastic bag 1</i>; kemudian ke dalam <i>biohazard bag 2</i>; kemudian ke dalam kotak polisterin dengan ais bagi memastikan suhu dikekalkan 2-8°C; kotak polisterin perlu didekontaminasi sebelum dibawa keluar.
7	Pengangkutan PUS
	<ul style="list-style-type: none"> • Kenderaan khusus untuk membawa PUS ke stesen kuarantin atau dari stesen kuarantin ke fasiliti kesihatan disediakan oleh QS Swasta.
	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas mengenakan PPE yang sesuai semasa menguruskan pengangkutan PUS.
	<ul style="list-style-type: none"> • PUS perlu sentiasa memakai <i>face mask</i> terutamanya apabila bersemuka dengan petugas.
	<ul style="list-style-type: none"> • Urusan dan dokumen rujukan ke hospital perlu disediakan sebelum menghantar PUS.

	<ul style="list-style-type: none"> • Hospital rujukan perlu dimaklumkan terlebih dahulu. • Dekontaminasi kenderaan dan peralatan selepas digunakan.
8	Rekod Perubatan PUS
	<ul style="list-style-type: none"> • Deklarasi status kesihatan PUS diambil dan direkodkan sebaik PUS tiba di QS swasta.
	<ul style="list-style-type: none"> • Segala rekod perubatan PUS diletakkan di bilik rawatan dan tidak boleh dibawa keluar.
	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem komunikasi intra-fasiliti yang efektif perlu disediakan bagi memudahkan komunikasi di antara petugas.
9	Sajian Makanan
	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pre-packed food</i> diberikan kepada PUS. • <i>Disposable utensils</i> diberikan untuk kegunaan PUS.
10	Perkhidmatan Sokongan
	<ul style="list-style-type: none"> • Pembersihan dan disinfeksi dilakukan mengikut jadual dan ditumpukan kepada permukaan-permukaan yang sering disentuh (tombol pintu, permukaan di tandas dan lain-lain). • Pengurusan sisa klinikal perlu mengikut SOP yang telah ditetapkan termasuk proses dekontaminasi tong-tong pengumpul sisa klinikal.
11	Latihan kepada petugas
	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan bagi pengurusan klinikal pesakit COVID-19 (kategori 1 & 2) (Annex 2 & 2j, Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020). • Latihan berkaitan kawalan infeksi (Annex 8, Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020). • Latihan <i>Donning & Doffing</i> (Annex 8, Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020). • Latihan berkaitan pengurusan kesihatan petugas yang menguruskan pesakit COVID-19 (Annex 21, Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020) dan pengurusan stesen kuarantin (Annex 32, Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No. 5/2020).
12	Orientasi pesakit dan <i>patient education</i> mengenai:
	<ul style="list-style-type: none"> • <i>self-care / self-hygiene</i>. • etika batuk. • <i>warning symptoms dan signs</i>.

20. LAMPIRAN 3

LAMPIRAN 3.1

RECOMMENDED PPE TO BE USED WHEN MANAGING PUI OR CONFIRMED COVID-19

SETTING	TARGET PERSONNEL	ACTIVITY	TYPE OF PPE
ADMINISTRATIVE AREAS/ PUBLIC AREAS (GREEN ZONE)			
Common Areas (green zone)	All staff and asymptomatic individuals	Any activities	<ul style="list-style-type: none"> • Surgical mask OR double face mask (surgical mask + fabric mask) (encouraged)
	Security Officer	Security officers at entrance of quarantine station	<ul style="list-style-type: none"> • Surgical mask with face shield OR double face mask (surgical mask + fabric mask) with face shield OR KN95 with face shield • Frequent Hand Hygiene <p>* maintain spatial distance of more than 1 meter.</p>
		Security officers escorting PUS	
Cleaners	Cleaning general areas in green zone	<p>*increase frequency of cleaning at areas with higher environmental contamination rates / high touched areas</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Surgical mask with face shield OR double face mask (surgical mask + fabric mask) with face shield OR KN95 with face shield • Non-sterile gloves • Boots or closed shoes <p>* maintain spatial distance of more than 1 meter</p>

SETTING	TARGET PERSONNEL	ACTIVITY	TYPE OF PPE
	Catering	Delivering food to the QS staff (in green zone)	<ul style="list-style-type: none"> • Surgical mask / double face mask (surgical mask + fabric mask) • Frequent Hand hygiene <p>* maintain spatial distance of more than 1 meter</p>
RED ZONE AREAS			
Counter	Counter staff	<p>Strictly maintain more than 1 meter spatial distance at all time</p> <p>* QS to ensure staggered registration process for PUS</p>	<p>Full PPE at all times:</p> <ul style="list-style-type: none"> • surgical mask/ N95/ KN95 • Head cover • Isolation gown (fluid-repellent long-sleeved gown) OR long-sleeve plastic apron if gown is not available • Non-sterile gloves • Eye protection (goggles / face shield) • Shoe cover
	Staff escorting PUS	Escorting PUS during registration process (if necessary)	
Examination Area	Medical staff	Assist PUS for medical treatment	
All areas in red zone	Cleaners	<p>Cleaning in the examination area</p> <p>*increase frequency of cleaning at areas with higher environmental contamination rates/ high touched areas</p>	<p>Full PPE at all times:</p> <ul style="list-style-type: none"> • N95/ KN95 face mask • Head cover • Isolation Gown (fluid-repellent long-sleeved gown), or long-sleeve plastic apron if gown is not available • Non-sterile Gloves • Eye Protection (goggles / face shield) • Boots or closed shoes <p>*Strictly to changed new PPE every after terminal cleaning</p>
	Cleaners	Terminal cleaning of rooms of positive COVID-19 patients	
		Decontamination of transportation used to transport PUS / PUI / COVID-19 positive patients	

SETTING	TARGET PERSONNEL	ACTIVITY	TYPE OF PPE
Food delivery for PUS	Hotel staff	Delivering food packs for PUS	<ul style="list-style-type: none"> • Surgical mask with face shield OR double face mask (surgical mask + fabric mask) with face shield OR KN95 with face shield • Plastic apron • Non-sterile gloves • Frequent Hand Hygiene <p>* maintain spatial distance of more than 1 meter.</p> <p>*Avoid direct contact with PUS</p>
QS maintenance (red zone)	Hotel maintenance staff	Maintenance services in red zone	<p>Full PPE at all times:</p> <ul style="list-style-type: none"> • surgical mask/ N95/ KN95 • Head cover • Isolation gown (fluid-repellent long-sleeved gown) OR long-sleeve plastic apron if gown is not available • Non-sterile gloves • Eye protection (goggles / face shield) • Shoe cover
Transportation	Medical staff	Transporting PUS / PUI / COVID-19 positive patients to the referral health care facility	<p>Full PPE at all times:</p> <ul style="list-style-type: none"> • surgical mask/ N95/ KN95 face mask • Head cover • Isolation gown (fluid-repellent long-sleeved gown), or long-sleeve plastic apron if gown is not available • Non-sterile gloves • Eye protection (goggles / face shield) • Shoe cover

SETTING	TARGET PERSONNEL	ACTIVITY	TYPE OF PPE
	Driver	Involved in driving or assisting the PUS / PUI / COVID-19 positive patients to the hospital regardless of whether the driver's compartment is separated or not from the PUS / PUI / COVID-19 positive patients	<p>Full PPE at all times:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● surgical mask/ N95/ KN95 face mask ● Head cover ● Isolation gown (fluid-repellent long-sleeved gown), or long-sleeve plastic apron if gown is not available ● Non-sterile gloves ● Eye protection (goggles / face shield) ● Shoe cover <p>* maintain spatial distance of more than 1 meter</p> <p>*Windows should be kept open throughout the drive</p>
Clinical Specimen Collection Area	Medical staff	Performing oropharyngeal or nasopharyngeal swab	<p>Full PPE at all times:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● N95/ KN95 face mask ● Head cover ● Isolation gown (fluid-repellent long-sleeved gown), or long-sleeve plastic apron if gown is not available ● Non-sterile gloves ● Eye Protection (goggles / face shield) ● Shoe cover <p>*It is compulsory to perform hand rub before and after swabbing for each procedure</p> <p>*Any soiled protective equipment should also be changed immediately</p>

**LAPORAN HARIAN KEMASUKAN PATIENT UNDER SURVEILLANCE (PUS)
BAGI PENGEMBARA LUAR NEGARA**

Tarikh	Negeri	Nama Stesen Kuarantin	Pengembara Luar Negara			Sampel Pengembara Luar Negara Diambil					Sampel POSITIF Pengembara Luar Negara Diambil			Bil. PUS Bagi Kes Berkaitan			Bil. PUS Yang Diberi Perintah Pelepasan HSO	
			Lelaki	Perempuan	Jumlah	Sampel NPS-1 (D1)	NPS-1 (D1) Positif	Sampel NPS-2 (D10)	NPS-2 (D10) Positif	Jumlah positif (NPS-1 + NPS-2)	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Dirujuk Ke Hospital Swasta	Dirujuk Ke PKRC Swasta	Dipindahkan Stesen Kuarantin		

**LAPORAN HARIAN KEMASUKAN PATIENT UNDER SURVEILLANCE (PUS)
BAGI KONTAK RAPAT, PENGEMBARA DALAM NEGARA, PELAUT DAN LAIN-LAIN**

Tarikh	Negeri	Nama Stesen Kuarantin	PUS			Sampel PUS Diambil					Sampel POSITIF PUS			Bil. PUS Bagi Kes Berkaitan			Bil. PUS Yang Diberi Perintah Pelepasan HSO	
			Lelaki	Perempuan	Jumlah	Sampel NPS-1 (D1)	NPS-1 (D1) Positif	Sampel NPS-2 (D10)	NPS-2 (D10) Positif	Jumlah positif (NPS-1 + NPS-2)	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Dirujuk Ke Hospital Swasta	Dirujuk Ke PKRC Swasta	Dipindahkan Stesen Kuarantin		

Nota:

Satu laporan untuk setiap kategori PUS :

1. Kontak Rapat
2. Pengembara Tempatan
3. Pelaut
4. Lain-lain

**LAPORAN HARIAN PATIENT UNDER SURVEILLANCE (PUS)
BAGI PUS POSITIF COVID-19**

Tarikh	Nama Stesen Kuarantin	Nama PUS Positif COVID-19	Warganegara	Jantina	Umur	Sampel Pertama / Kedua	Kategori PUS	Dirujuk Ke Hospital Swasta	Dirujuk Ke PKRC Swasta

Nota:


Kategori PUS :

1. Kontak Rapat
2. Pengembara Tempatan
3. Pelaut
4. Lain-lain


FORMAT LAPORAN PEMANTAUAN QS SWASTA

Bil.	Perkara	Penemuan	Maklumbalas
1.	Saringan dan penilaian kesihatan <ul style="list-style-type: none"> • Ke kerap an 		
2.	Ujian saringan pengesanan COVID-19 <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi pengambilan sampel 		
3.	Pelaksanaan Akta 342 <ul style="list-style-type: none"> • Pemantuhan kuarantin Perlepasan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian • Seksyen 3 • Pemotongan gelang pengawasan 		
4.	PPE <ul style="list-style-type: none"> • Pematuhan pasukan kesihatan dan petugas memakai PPE 		
5.	Kawalan dan pencegahan infeksi <ul style="list-style-type: none"> • Pematuhan prosedur 		
6.	Pelaksanaan Time-Off <ul style="list-style-type: none"> • Laporan permohonan 		
7.	Laporan <ul style="list-style-type: none"> • Laporan disediakan • Dihantar kepada PKD 		
8.	Lain-lain		


CARTA ALIR PENUBUHAN QS SWASTA



CARTA ALIR PENGURUSAN PUS QS SWASTA



CARTA ALIR INDIVIDU YANG MEMOHON PENGECUALIAN DARIPADA CAJ KUARANTIN



Proses dilaksanakan sebelum perjalanan ke Malaysia

**PENGURUSAN RISIKO STESEN KUARANTIN (HOTEL)
YANG MENGURUSKAN *PERSON UNDER SURVEILLANCE* (PUS)**

- A. Stesen Kuarantin (QS) dengan Kemudahan Optima
- Boleh menyediakan bangunan/blok/zon/*wing* berbeza bagi penempatan pelanggan perniagaan dan PUS secara berasingan.
 - Mampu menyediakan kaunter khas untuk pendaftaran PUS
 - Menyediakan laluan dan lif khas untuk kegunaan PUS serta aktiviti pembersihan dan perkhidmatan penghantaran makanan kepada PUS.
- B. Stesen Kuarantin tanpa Kemudahan Optima seperti dalam “A”
1. Pengurusan QS:
 - mendapatkan senarai nama daripada PIC agen pelancongan.
 - menyediakan senarai nama PUS dan nombor bilik.
 - meletakkan kunci pada pintu bilik ATAU menyerahkan kunci bilik kepada PIC untuk diberikan kepada PUS.
 - menyediakan lif khas untuk kegunaan sementara PUS apabila tiba.
 - bilik-bilik untuk PUS di aras sama dan tidak bercampur dengan pelanggan perniagaan.
 2. Pihak pengurusan QS:
 - Menjalankan disinfeksi lif dan laluan selepas selesai pengurusan daftar masuk PUS.
 - Tidak membenarkan pelanggan perniagaan lain keluar masuk semasa pengurusan jemaah umrah (pengumuman / sekatan sementara).
- PIC Agensi pelancongan:
1. mengenalpasti jemaah umrah mengikut stesen kuarantin.
 2. menguruskan kenderaan mengikut stesen kuarantin.
 3. menghubungi QS sebelum kenderaan bergerak ke QS bagi memastikan QS bersedia menerima PUS – penyediaan senarai jemaah dan nombor bilik.